

07 MAY 1997

MAHATHIR : MALAYSIA MUNGKIN BELI ROOIVALK

CAPE TOWN, 7 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia mungkin membeli helikopter penyerang Rooivalk dari Afrika Selatan dan menyertai pembinaannya.

Perdana Menteri berkata Tentera Udara Diraja Malaysia telahpun membuat penilaian terhadap pesawat itu.

"Ada kemungkinan kita akan membeli helikopter Rooivalk," kata beliau kepada pemberita selepas menerima anugerah tertinggi Afrika Selatan, Order of Good Hope, daripada Presiden Nelson Mandela di sini.

Dr Mahathir tiba di sini hari ini untuk lawatan sehari, diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Bulan lepas, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar dilaporkan berkata Malaysia bersetuju membeli lapan helikopter jenis itu.

Syed Hamid juga berkata bahawa pada masa yang sama Malaysia sedang menilai cadangan penjualan helikopter jenis lain oleh beberapa negara-negara.

Mandela pula berkata beliau dan Dr Mahathir mengadakan rundingan susulan kepada perbincangan mereka ketika beliau melawat Malaysia Mac lepas. -- BERNAMA

ES MAI